

Jangan pandang survival ekonomi Melayu dari sudut negatif, kata Musa Hitam
SinarHarian
12 Mac 2013
Oleh Salmiah Druhamad Drahsin

SHAH ALAM - Mengakui amalan kronisme dan nepotisme berlaku dalam ekonomi Melayu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam berkata, ia hanya dalam kadar yang sedikit.

"Ini adalah sebahagian daripada kehidupan. Kita kena sentiasa berhati-hatilah," katanya pada program Bicara Minda: Survival Ekonomi Melayu anjuran Sinar Harian di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan penonton yang bertanyakan mengapa sebuah organisasi yang berkecukupan, modal yang mencukupi, punya kemahiran dan tenaga kerja namun adakalanya gagal meraih sesebuah kontrak atau tender.

Menurut Musa, terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan kegagalan itu selain amalan-amalan tidak elok dalam perniagaan seperti kronisme dan nepotisme.

"Mungkin peluangnya terhad, mungkin anda rasa anda layak tetapi anda tidak, itu tidak mustahil. Bergantung kepada taksiran mereka," kata Musa.

"Antara kemungkinan lain, ada pihak yang lebih bijak dalam perhubungan awam, ia bahagian yang sangat penting dalam perniagaan," tambahnya lagi.

Demikianlah pentingnya, ujar Musa, orang Melayu harus punya semangat juang yang tinggi untuk mendapatkan sesuatu dan bukannya terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Beliau yang pernah berkhidmat di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan bangganya turut menyatakan bahawa ekonomi Melayu pada hari ini berkembang dengan begitu positif sekali.

Istilah survival katanya tidak harus dilihat dari sudut yang negatif kerana itu adalah mentaliti yang terkepung.

"Tafsiran itu saya tidak boleh terima," tegasnya.

Musa turut menceritakan pengalamannya sendiri bertemu dengan ramai anak Melayu yang berjaya sehingga ke peringkat antarabangsa.

Cukup mengujakan katanya, apabila mengetahui mereka ini bangkit dengan inisiatif dan kebijaksanaan sendiri mencari ruang dan peluang tanpa bergantung harap kepada pertolongan kerajaan.

Beliau turut menyangkal pendapat penonton yang menyatakan dasar keterbukaan ekonomi di negara ini menyebabkan usahawan Melayu tertindas dan dipinggirkan kerana kurangnya orang Melayu dalam sektor-sektor tertentu seperti perbankan.

"Jika anda melihat sektor demi sektor anda akan berhadapan dengan masalah," ujar Musa.

Oleh itulah katanya, Malaysia menitikberatkan pendidikan bagi memastikan anak-anak Melayu berjaya menguasai pasaran kerja dengan keupayaan yang setaraf dengan kelompok lain.

Menurutnya, sikap prejudis dapat dihapuskan apabila seseorang itu berjaya membuktikan kemampuannya.

Sehubungan itu, Musa mengingatkan supaya orang Melayu mengambil sikap bersaing dan mahu meningkatkan diri lantaran corak dan amalan ekonomi di Malaysia.

Bahkan ujarnya, sudah tiba masanya cara berfikir masyarakat Melayu diubah untuk bekerjasama dengan kaum lain untuk berjaya.

©2012 | Hakcipta Terpelihara Grup Digital Karangkrif

Source: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jangan-pandang-survival-ekonomi-melayu-dari-sudut-negatif-kata-musa-hitam-1.139036>